

20/07/2002

Dialog bincang pemikiran Melayu

Mohd Feroz Abu Bakar

PERTEMBUNGAN pelbagai budaya serumpun dan asing yang berlaku sejak beratus-ratus tahun dulu menjadikan dunia Melayu kini terus dinamik, sekali gus memberi kesan terhadap pemikiran serta cara hidup.

Perkembangan itu dan pengaruh dunia digital memerlukan penakrifan semula terhadap maksud Melayu atau kemelayuan. Justeru, bagi membincangkan persoalan itu, Institut Pengembangan Ilmu (InKA), Universiti Teknologi Mara (UiTM) mengambil inisiatif menganjurkan Dialog Meja Bulat Kebangsaan Pemikiran Melayu Pertama, 24 Julai ini.

Pertemuan sehari itu akan diadakan di Dewan Bestari, Intekma Resort and Convention Centre, Shah Alam, Selangor, yang akan mempertemukan kira-kira 30 cendekiawan Melayu dari pelbagai latar belakang, antaranya tokoh akademik, korporat dan kesenian.

Pengerusi Pusat Penyelidikan Multidisiplin, InKA, Prof Madya Dr Ahmad Murad Mohd Noor Merican, berkata tiga ucapatama dan empat kertas kerja akan dibentang dan dibincangkan dalam dialog berkenaan.

Katanya, ucapatama akan disampaikan oleh bekas Naib Canselor UM, Prof Diraja Ungku Aziz; bekas Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Datuk Dr Hassan Ahmad dan Pengarah, Pusat Pengajian Siswazah, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Prof Datuk Dr Mohd Yusof Hassan.

Dr Hassan yang juga bekas Wakil Tetap Malaysia ke Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Budaya, Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (Unesco) akan membentang ucapatama bertajuk Proses Mencipta Makna Melalui Naratif dan Metafora.

Prof Dr Yusof pula akan membentangkan ucapatama bertajuk Paradigma Pemikiran dalam Epistemologi Melayu.

"Pertemuan akademik ini antara lain akan membincangkan persoalan bagaimana faktor geografi, alam semula jadi dan iklim warga dunia Melayu menggubal kerangka masyarakat Melayu.

"Misalnya, belum terdapat kajian malahan perbincangan yang serius mengenai pemikiran Melayu zaman pasca-Mahathir kerana pentadbiran Perdana Menteri selama 21 tahun membawa perubahan besar dalam masyarakat Malaysia.

"Selain itu, terdapat juga kertas kerja mengenai pemikiran Melayu hasil pengaruh dunia digital atau teknologi maklumat dan komunikasi (ICT)," katanya ketika ditemui di Shah Alam, Selangor, baru-baru ini.

InKA ditubuhkan tahun lalu bagi memimpin usaha peningkatan kualiti pendidikan di UiTM dan penyelidikan untuk menghasilkan ilmu atau bidang pengajian baru.

Institut itu mempunyai 10 pusat dan diketuai oleh Penolong Naib Canselor, Prof Madya Dr Rahmat Mohamad.

Dr Murad berkata, ahli akademik dan pelajar yang ingin menghadiri Dialog Meja Bulat Kebangsaan Pemikiran Melayu Pertama dikehendaki membuat tempahan kerana tempat penyertaan adalah terhad.

Tempahan dan maklumat lanjut boleh diperolehi dengan menghubungi talian telefon 03-5522 5411/5412.

Selain tiga ucapatama, lima kertas kerja akan dibentangkan oleh lima ahli akademik universiti tempatan.

Pengarah, Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia, Prof Datuk Dr Shamsul Amri Baharuddin akan membentang kertas kerja bertajuk Wacana Mengenai Identiti Melayu.

Pensyarah Fakulti Sains, Universiti Malaya, Prof Dr Hairudin Harun akan membentang kertas kerja bertajuk Ooops! Mereka Fikir Bahasa Mesin:

Digitalisasi dan Pembentukan Budaya Fikir Melayu.

Pensyarah, Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka, UiTM, Prof Dr Muhammad Tamyaz Bajuri membentangkan kertas kerja berjudul Seni dan Pemikiran Melayu, manakala pensyarah, Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media, UiTM, Prof Madya Mohd Rajib Abdul Ghani membentangkan kertas kerja Apa Yang Saya Rasa.

Antara tokoh Melayu yang dijemput menghadiri dialog itu ialah Datuk A Samad Said (Sasterawan Negara), Dr Anuar Nor Arai (pengkritik filem), Datuk Dr Mokhzani Abdul Rahim (ahli ekonomi), Datuk Abdul Aziz Shamsuddin (Timbalan Menteri Pendidikan) dan Tan Sri Omar Abdul Rahman (bekas penasihat sains Perdana Menteri).

"Dialog Meja Bulat yang pertama ini akan menjadi landasan untuk UiTM mengasaskan model pemikiran Melayu melalui pangkalan data yang lengkap.

"Ini kerana dialog ini akan disusuli dengan beberapa dialog lain termasuk di peringkat negeri atau daerah.

"Matlamat InKA ialah UiTM sebagai universiti berteraskan warga Melayu mempunyai maklumat yang menyeluruh mengenai budaya dan pemikiran Melayu.

"Pangkalan data ini bukan hanya untuk tujuan rujukan akademik tetapi amat penting untuk menyusun strategi pembangunan yang berkesan," katanya.

Dialog berkenaan akan dirasmikan oleh Naib Canselor, UiTM, Prof Datuk Dr Ibrahim Abu Shah.